

Seminar Trend Komunikasi Digital 2021



ZOOM BERSAMA

MUHAMMAD SYAFIQ
PEMENANG TIKTOK GURU MALAYSIA
Sifoo.com

HAFIZ MUSTAPHA
PERUNDING IMEJ
CuteCarry

**TREND KOMUNIKASI
DIGITAL 2021**

RABU | 8.15 PAGI - 1.15 TENGAH HARI | 29 SEPTEMBER

Jom Sertai
10 BAUCAR LUMAYAN
MENANTI ANDA

ANJURAN
Bahagian Teknologi Maklumat
(BTM)
Institut Tanah dan Ukur Negara,
(INSTUN)

Pada 29 September 2021 (Rabu), Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menganjurkan Seminar Trend Komunikasi Digital 2021 yang julung kalinya diadakan secara dalam talian sejajar dengan pembudayaan norma baharu. Seminar selama separuh hari dan secara percuma ini telah berjaya menarik seramai 442 orang penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti kakitangan awam daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi, institusi pengajian tinggi, pihak swasta dan orang awam. Seminar ini juga telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan mendapat maklumbalas yang sangat interaktif antara peserta dan penceramah bagi kedua-dua slot yang dianjurkan.


Seminar ini menampilkan dua (2) orang penceramah hebat yang telah berkongsi pengetahuan berkaitan trend komunikasi digital masa kini. Penceramah bagi slot pertama iaitu En. Muhammad Syafiq bin Azman yang merupakan seorang Pembangun Konten Kreatif daripada Sifoo.com. Beliau merupakan pemenang bagi



En. Muhammad Syafiq bin Azman, Sifoo.com

Anugerah 2020's Best TikTok Guru dan telah membuat perkongsian bertajuk "Manfaat Penggunaan Media Sosial Melalui TikTok". Pelbagai tips berguna dan berinformatif telah dikongsikan bagi membangunkan konten TikTok yang bermanfaat serta kaedah meningkatkan jumlah paparan pengguna.

Rata-rata peserta mengajukan pertanyaan secara aktif; baik pengguna baharu mahupun pengguna TikTok yang telah sedia mempunyai akaun bagi mendalami fungsi-fungsi yang terdapat pada aplikasi ini.



En. Hafiz bin Mustapha, Cutecarry Sdn Bhd

Penceramah bagi slot kedua pula merupakan seorang perunding imej terkenal iaitu En. Hafiz bin Mustapha, Cutecarry Sdn Bhd. Dengan moto "Latihan yang Mengubah Hidup Anda", kepetaan beliau ketika berkongsi bersama para peserta berkaitan topik "Tampil Imej dan Gaya Professional dalam Talian" telah memberi pelbagai tips berpakaian dan


penampilan melalui kaedah penyampaian yang bersahaja dan menghiburkan.



En. Murad bin Isa, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

Seminar dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Ustaz Muhammad Hafiz bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam INSTUN, yang kemudiannya disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh YBrs. En. Murad bin Isa, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN. Seterusnya ialah sesi perkongsian bersama dua penceramah jemputan dan program berakhir dengan sesi bergambar dan kuiz.

Bagi pihak penganjur, adalah diharapkan topik-topik yang santai dan berkesan ini dapat mencapai objektif utama penganjurannya untuk memberi manfaat kepada semua peserta dari pelbagai lapisan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. Selain itu, penganjur juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih terhadap sokongan daripada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Tanpa sokongan anda semua, program ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sehingga bertemu lagi di lain masa dalam penganjuran Seminar Trend Komunikasi Digital oleh BTM, INSTUN.



Peserta Seminar

Berikut adalah gambar-gambar dibalik tabir pelaksanaan Seminar Trend Komunikasi Digital 2021 oleh pasukan pelaksana, BTM INSTUN.



Pengarah Program/Moderator
Pn. Hajah Syazleena binti Haji Yahya



Cue Man, Pasukan Teknikal
En. Mohd Faizal bin Abu Kaslan



OBS Man, Pasukan Teknikal
En. Sulaimi bin Ahmad



Frontliner, Pasukan Promosi dan Pendaftaran
Pn Aminah binti Anwar
Pn. Nurul Fazrin binti Asmoni



Pegawai Video dan Konten, Pasukan Teknikal
Pn. Nor Adila binti Rahmad
Pn. Norliza Hanim binti Othman



Pegawai Rakaman Program, Pasukan Teknikal
Pn. Rohani binti Hassan




Bilik Gerakan Program, Pusat Kecemerlangan
Multimedia BTM



Bilik Gerakan Program, Pusat Kecemerlangan
Multimedia BTM



Sesi Perkongsian Slot 1



Sesi Perkongsian Slot 1



Sesi Perkongsian Slot 2




Sesi Perkongsian Slot 2




Kuiz



Peserta Seminar



Peserta Seminar



Peserta Seminar



Peserta Seminar